GERAK GEMPUR 3

Sistem dan Aplikasi Bahasa

MORFOLOGI

PRAKTIS 1

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata kerja transitif** *dan* **dua kata adjektif**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sudah dua hari kita memasuki tahun baharu 2021. Tiada sesiapa yang membayangkan bahawa tahun 2020 akan menjadi tahun paling sunyi dalam sejarah dunia moden. Ketika ini, pelbagai negara masih bergelut untuk mencari formula terbaik bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Sememangnya pandemik ini banyak membawa kesan buruk kepada kita. Kita tidak perlu melihat statistik untuk mengetahui kesan-kesan pandemik ini. Perhatikan orang di sekeliling kita. Berapa banyak ahli keluarga, rakan, atau kenalan kita yang sudah hilang mata pencarian akibat pandemik ini? Ada antara mereka yang terpaksa kembali ke tanah air selepas majikan mula membuang pekerja asing. Seorang rakan penulis terpaksa melupakan gaji lumayan dan pulang ke Malaysia selepas *Singapore Airlines* membuang pekerjanya. Seorang kenalan penulis pula masih menunggu masa untuk pulang ke Jerman selepas hampir sembilan bulan 'terkandas' di Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Tahun Dunia Berkurung'
oleh Syah Rul Aswari Abdullah
Harian Metro, 2 Januari 2021

[8 *markah*]

LIVEWORKSHEETS

PRAKTIS 2

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **dua kata kerja tak transitif** *dan* **dua kata hubung pancangan keterangan**. *Kemudian anda dikehendaki membina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Tarikh 31 Ogos 1957 sangat bersejarah dan membahagiakan seluruh rakyat di negara ini. Sambutan ulang tahun kemerdekaan dan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang disambut lagi tahun ini dengan tema "Sayangi Malaysia: Malaysia Bersih". Apa-apapun cabaran yang mendatang kita seharusnya bersyukur dapat hidup di bumi bertuah ini. Tidak sedikit rakyat pelbagai bangsa yang mengerah kudrat untuk melihat negara ini dimajukan dengan harmoninya. Kita berharap agar nasib negara ini tidak menjadi seperti sesetengah negara di Asia Barat yang hancur. Rakyatnya menderita di tanah air sendiri lantaran ketidakupayaan mempertahankan kedaulatan dan kestabilan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Subur Semangat Patriotisme dalam Jiwa Rakyat'
oleh Dr. Ghazali Din
Berita Harian, 30 Ogos 2019

[8 *markah*]

LIVEWORKSHEETS